

**MAJLIS AMANAT YB MENTERI HAL EHWAL EKONOMI  
BERSAMA WARGA KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

**UCAPAN OLEH  
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI  
MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

**9:00 PAGI  
20 JANUARI 2020  
DEWAN UTAMA ARAS 6, BLOK B6  
KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

**YB Senator Dr. Radzi Jidin,**  
Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi;

**YBhg. Dato' Saiful Anuar bin Lebai Hussen,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;

**YBrs. Dr. Zunika binti Mohamed,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Makro);

**YBrs. Encik Azhar bin Noraini,**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sektoral);

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi,

Pegawai-Pegawai Kanan,

Warga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi,

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabaraktuuh dan selamat sejahtera

1. Pertama sekali marilah kita memanjang rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita dipertemukan pada pagi yang mulia ini Majlis Amanat bagi tahun 2020 untuk warga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).
  2. Rapat ini amat bermakna untuk kita bersama menggilap tekad dan azam untuk menangani cabaran baharu 2020 dan bersiap siaga memasuki dekad baharu.
  3. Fajar dekad yang baru ini juga merupakan peluang untuk kita merubah orientasi minda bagi mendepani keadaan dunia yang baru.
  4. Kita sedia maklum bahawa pada hari ini kita berhadapan dengan senario global yang tidak menentu. Ketegangan geopolitik dan ekonomi antara kuasa-kuasa besar ekonomi dunia sudah tentunya memberi kesankan kepada ekonomi global, termasuk Malaysia. Apatah lagi China dan Amerika Syarikat merupakan rakan perdagangan yang penting bagi Malaysia.

5. Beberapa indikator ekonomi menggambarkan sentimen perniagaan dan keyakinan pelabur terjejas akibat persekitaran global dan cabaran domestik.
  
  
  
  
  
6. Walaupun kadar pengangguran masih kekal pada 3.3%, namun dilaporkan graduan-graduan baru semakin sukar untuk mendapat pekerjaan.
  
  
  
  
  
7. Pasaran buruh juga semakin mencabar apabila beberapa syarikat mengumumkan langkah untuk mengecilkan (*downsizing*) tenaga kerja masing-masing. Mereka yang dibuang kerja pastinya sukar untuk mendapat pekerjaan baru.
  
  
  
  
  
8. Kita juga harus mengambil maklum bahawa syarikat dan industri pembuatan mengalami kos operasi yang semakin tinggi, termasuk *disruption by digital and technological advancements*.
  
  
  
  
  
9. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan laporan *Business Expectations Survey* yang harus diteliti dan menjadi panduan kepada kita dalam menggubal dasar dan inisiatif yang baru.

10. Maka, dengan perkembangan yang terbaru ini, pada hari ini, pagi ini kita ingin mengingatkan bahawa kita tidak boleh mengharungi tahun 2020 dengan sikap dan budaya kerja "*business as usual.*" Kita perlu memecut dengan kelajuan yang lebih tinggi, bekerja dengan lebih pantas, cekap, lebih teliti dan lebih kemas. Kita perlu lebih inovatif untuk membawa pembaharuan.
11. MEA perlu segera merangka dan melaksanakan dasar-dasar yang merangsang keyakinan komuniti perniagaan, pelabur dan pengguna, dengan memahami kehendak dan keperluan mereka. Kita perlu lebih kreatif dalam memperolehi gambaran dan maklum balas sebenar, menerusi kaedah pengumpulan dan analisis data mikro bagi menangani cabaran ekonomi semasa.
12. Kerajaan telah menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) sebagai platform untuk meneliti dan mengambil tindakan segera ke atas maklum balas rakyat terhadap masalah ekonomi semasa. Maka, sebagai sekretariat EAC, MEA mempunyai peranan yang penting dalam merangka hala tuju berasaskan kepada data dan maklumat yang sahih dan mencerminkan keadaan sebenar di bawah.

13. MEA bertanggungjawab merangka dan menyediakan dasar-dasar sosioekonomi negara. Kini, kita sedang menggalas satu lagi tanggungjawab yang besar untuk membina ekonomi Malaysia melalui penyediaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang perlu dibentangkan di Parlimen hujung tahun ini.
  
  
  
14. Dalam merangka RMKe-12, kita mesti menyuntik idea-idea yang baharu, yang lebih inovatif yang lebih progresif dan teras strategik yang lebih baik ke dalam rancangan lima tahun tersebut.
  
  
  
15. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab untuk menggubal dasar-dasar ekonomi, kita harus ambil maklum anjakan kuasa ekonomi dari Barat ke Asia pada hari ini memerlukan Malaysia bertindak pantas mencipta kerjasama strategik yang baharu di peringkat global.
  
  
  
16. Salah satu dari *building blocks* terpenting dalam *global economic order* pasca Bretton Woods adalah merombak *international financial architecture* bukan sahaja di kalangan negara-negara ASEAN tetapi juga di kalangan Ekonomi Asia Pasifik. IMT-GT, BIMP-EAGA dan BRI

merupakan antara platform kerjasama serantau yang perlu digerakkan sepenuhnya bagi meningkatkan *connectivity* ekonomi Malaysia dengan kuasa baru ekonomi termasuk China dan juga India.

Saudara saudari yang saya hormati sekalian,

17. RMKe-12 akan dijajarkan dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). RMKe-12 akan menterjemahkan WKB 2030 dari sebuah wawasan kepada pelaksanaan konkrit dan matlamat yang boleh dinilai, menerusi *measurable objectives*.
  
18. Antara matlamat utama WKB 2030 adalah merapatkan kesenjangan pendapatan dan pembangunan antara wilayah dengan membawa pembangunan ke dalam desa dan luar bandar. Adalah menjadi tanggungjawab MEA untuk memastikan matlamat utama WKB ini dapat dilaksanakan sepenuhnya dalam RMKe-12 tanpa bicara politik dan kepentingan-kepentingan kelompok seperti yang telah berlaku berdekad-dekad sebelum ini. Kerana kita sekiranya terjebak dalam polemik lama, yang menjadi mangsa adalah rakyat di bawah.

19. Kita harus mencipta kemakmuran bagi semua rakyat tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang politik. Kita perlu segera membangunkan industri luar bandar termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Kita mesti tingkatkan bakat dan kemahiran masyarakat luar bandar untuk memperbaiki pendapatan mereka.
  
  
  
20. Matlamat WKB 2030 adalah sejajar dengan pandangan seorang tokoh *Nobel Laureate* Joseph Stiglitz dalam buku terbarunya bertajuk, “*People, Power and Profits*” di mana Joseph Stiglitz yang dikenali dengan pandangan progressive telah menolak pandangan bahawa memburu keuntungan semata-mata dalam *age of discontent*. Pandangan beliau dan peringatan Stiglitz yang dirakamkan dalam buku barunya, “*You can't have sustainable prosperity without shared prosperity*” – Ini bermakna kita tidak boleh mempunyai kemakmuran yang mampan tanpa kemakmuran bersama.
  
  
  
21. Maka kita tidak akan berjaya, kita boleh menggubal banyak dasar ekonomi dan kita telah melaksanakan banyak dasar sebelum ini, tetapi kita tidak boleh berjaya sekiranya kita hanya meraut keuntungan tanpa menekankan aspek keadilan, aspek persekitaran alam

sekitar dan generasi akan datang. Ini satu peringatan kepada kita yang sedang menggalas satu tanggungjawab besar untuk merangka RMKe-12. Dalam perkataan lain, Kemakmuran Bersama bukan persoalan pilihan, tetapi suatu kemestian yang mesti termaktub dalam RMKe-12 dan diterjemahkan dalam bentuk program dan pelaksanaan.

22. MEA perlu meningkatkan penglibatan serta kerjasama dengan *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC), *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA), *Iskandar Regional Development Authority* (IRDA) dan sebagainya bagi merancang pembangunan yang dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi di pelbagai *economic hotspots* kawasan luar bandar. Dan ini adalah sejajar dengan matlamat WKB untuk merapatkan kesenjangan pembangunan dan pendapatan antara wilayah.
23. Pembangunan *economic hotspots* ini juga perlu seiring dengan peranan FELDA, RISDA dan FELCRA dalam menerokai ekonomi pertanian yang baharu bagi mencipta peluang pekerjaan untuk generasi muda luar bandar,

sekali gus meredakan tekanan untuk berhijrah mencari pekerjaan di bandar.

24. Dalam konteks ini, seperti yang telah kita bincang berulang kali dalam Mesyuarat Pasca Kabinet, usaha-usaha kolektif dan inovatif seperti pertanian pintar, pemerksaan industri halal, jaminan bekalan makanan (*food security*), pembangunan wilayah dan aplikasi teknologi Revolusi Perindustrian Ke-4 dalam semua aspek pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat perlu dilaksanakan.
  
25. Selain daripada itu, saya juga ingin mengesyorkan perhatian khusus perlu diberi kepada PKS yang mewakili 98.5% daripada jumlah syarikat yang beroperasi di Malaysia.
  
26. Bagi menggalakkan PKS untuk mengambil bahagian dalam aktiviti perniagaan yang bernilai tinggi, satu ekosistem perniagaan yang kondusif perlu diwujudkan menerusi penyediaan kemudahan kewangan, kepakaran teknikal, pembangunan modal insan dan bantuan pendigitalan operasi.

27. Menerusi langkah-langkah ini, pertumbuhan baharu dapat diterokai sepenuhnya setelah mengatasi batasan aliran tunai serta halangan kos yang tinggi dalam usaha PKS mendakap peluang-peluang baharu ekonomi digital dalam perniagaan mereka.
28. WKB 2030 juga menggariskan matlamat 10 tahun untuk penstrukturkan semula ekonomi negara. Kita sedia maklum apa yang telah berlaku dalam beberapa tahun yang lalu. Maka, sebaik sahaja mandat diberikan oleh rakyat, kita terpaksa *recalibrate* atau menstrukturkan semula ekonomi negara menghadapi cabaran-cabaran semasa dan juga cabaran akan datang. Maka kita melihat, ekonomi berasaskan pengetahuan dan kemahiran akan membolehkan pengagihan ekonomi yang lebih adil, saksama dan inklusif. Wawasan yang dirintis hari ini sebenarnya adalah hadiah untuk generasi akan datang.
29. Perhatian yang khusus perlu diberikan kepada ekonomi anak muda. Kita perlu menyasarkan pengangguran sifar di kalangan anak muda. Maka pelbagai inisiatif latihan kemahiran, TVET dan keusahawanan perlu dirancang. Saya amat yakin anak-anak muda Malaysia sekiranya diberikan peluang, ditingkatkan kemahiran mereka,

diberikan galakan dan digilap bakat mereka. Mereka juga boleh berjaya untuk mewarisi kepimpinan dan pengurusan ekonomi negara di masa yang akan datang.

30. Teras Strategik Ke-2 dalam WKB 2030 juga menegaskan pentingnya pencarian sumber pertumbuhan dari penciptaan industri baharu.
31. Kita mengetahui betapa besarnya peranan idea baharu yang dipatenkan dan dikomersialkan untuk menghasilkan proses dan produk baru dalam perindustrian negara. Malangnya kita belum lagi memberikan tujuan kepada usaha ini dan Malaysia perlu menelusuri jalan ini untuk mencipta produk dan industri.
32. Sekian banyak harta intelek dan paten yang dihasilkan oleh universiti-universiti tinggal begitu sahaja. Kita sedia maklum Universiti Putra Malaysia (UPM) antara universiti yang banyak menghasilkan harta-harta intelek dan paten tetapi kita belum lagi memberikan tumpuan untuk mengkomersialkan usaha-usaha yang baik ini supaya universiti baru dalam dipertingkatkan. Maka sekali lagi saya meletakkan harapan kepada Kementerian ini untuk

mengambil langkah untuk membuka nilai-nilai terkunci yang terdapat pada harta intelek tersebut.

33. WKB 2030 merupakan satu gagasan raksasa. Kita memerlukan dukungan sepenuhnya daripada rakyat. Kerajaan boleh menyediakan peluang, kerajaan boleh menyediakan latihan kemahiran, kerajaan boleh menyediakan semua usaha-usaha ini, tetapi sekiranya tidak disambut oleh rakyat kita tidak mampu mencapai matlamat yang telah digariskan.
  
34. Justeru itu, MEA akan membentangkan satu Kertas Jemaah Menteri dalam masa yang terdekat memandangkan YAB Perdana Menteri telah bersetuju supaya satu usaha melaksanakan siri jelajah ke seluruh negara dengan membawa tema Kemakmuran Bersama dan melibatkan penyertaan semua Kementerian akan bermula pada bulan depan. InsyaAllah.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

35. Selepas 22 tahun, Malaysia sekali lagi menjadi tuan rumah kepada APEC 2020. Uniknya APEC kali ini kerana ianya dipimpin oleh Perdana Menteri yang sama pada tahun 1998. APEC 2020 menjadi tumpuan dunia memandangkan APEC yang sepatutnya berlangsung di Negara Chile pada tahun lalu, terpaksa dibatalkan kerana keadaan politik di dalam negara yang berkenaan.
36. Maka sudah tentulah seluruh dunia memberi tumpuan yang amat besar kepada Malaysia sebagai tuan rumah APEC bagi tahun 2020. Dan kita juga sedia maklum apabila Bogor Goals 1994 akan tamat pada tahun ini, dan semua pimpinan dunia akan berhimpun di Kuala Lumpur dan akan menggubal satu lagi wawasan bagi ekonomi negara-negara APEC untuk sepuluh tahun yang akan datang.
37. Kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara APEC ini sebenarnya membentuk 60% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) global dan hampir separuh daripada perdagangan dunia.

38. Dan APEC 2020 bertemakan '*Optimizing Human Potential towards a Future of Shared Prosperity*'. Sekali lagi APEC menekankan soal Kemakmuran Bersama sebagai wawasan untuk terus maju ke hadapan. Dan MEA telah diberikan tanggungjawab sebagai pengajur kepada *Structural Reform Ministerial Meeting* (SRMM) yang bakal berlangsung pada bulan Ogos tahun ini dan InsyaAllah akan disempurnakan di Negeri Selangor.
  
39. SRMM atau *Structural Reform Ministerial Meeting* akan membincangkan agenda baharu APEC bagi merapatkan jurang perbezaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi melalui tiga teras utama iaitu:
  - a. Menggalakkan pasaran terbuka, efisien, telus dan berdaya saing;
  - b. Menggalakkan penyertaan ekonomi oleh semua lapisan masyarakat; dan
  - c. Pelaksanaan dasar sosial yang mampan, berkesan dan tiada diskriminasi.
  
40. Sekali lagi, kita berdepan dengan cabaran yang amat besar dalam suasana kita sedang sibuk menyiapkan RMKe-12. Kementerian ini diberikan satu lagi tugas untuk menjadi pengajur kepada SRMM dan menggubal dasar-

dasar baru ekonomi yang melibatkan ekonomi negara-negara APEC dan cabaran ini perlu digalas secara kolektif dan saya meletakkan keyakinan yang cukup tinggi kepada Ketua Setiausaha dan semua Ketua-ketua Jabatan dan pegawai supaya kita berjaya mengangkat MEA sebagai Kementerian yang cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Saudara saudari sekalian,

41. Seperti yang saya katakan tadi konsep Kemakmuran Bersama telah dipersetujui sebagai tema besar APEC 2020 dan akan menjadi fokus dalam penetapan hala tuju bagi kerjasama ekonomi negara-negara Asia Pasifik, sepetimana Bogor Goals 1994 yang telah berjaya memupuk penyertaan ekonomi dan perdagangan antarabangsa yang lebih terbuka dan inklusif.
  
42. Akhir sekali, saya ingin menegaskan bahawa harapan rakyat terhadap MEA menggunung tinggi. Gelombang di hadapan kita sungguh besar. *We have to think big* untuk berjaya di masa akan datang InsyaAllah.

43. Kita tidak mempunyai masa untuk melayan persoalan remeh-temeh. Fokus kita haruslah pada hal ehwal ekonomi dan bagaimana kita boleh mengatasi cabaran ekonomi semasa dengan strategi dan penyelesaian (*solutions*) yang pantas. Fokus kepada usaha mewujudkan pekerjaan dan perniagaan untuk rakyat.
  44. Saya penuh yakin dengan kemampuan dan profesionalisme warga MEA. InsyaAllah, dengan iltizam dan perpaduan yang utuh, ketekunan dan kesungguhan, kita semua akan menjadikan 2020 satu lagi tahun yang cemerlang dan makmur untuk negara dan rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.